

# دولت کباوک دولی قان ڈاٹیق

DAULAT KEBAWAH DULI TUAN PATIK

Sempena sambutan perayaan Hari Keputeraan  
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan  
Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum  
Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan  
Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-67 Tahun 2013

## Inti Sari Titah

- Kejayaan negara mempengaruhi Sidang Kemuncak ASEAN Ke-22 dan mengendalikan latihan ketenteraan secara besar-besaran.

- Negara berusaha mempelbagaikan kegiatan perekonomian dan sumber pendapatan negara sebagai langkah mewujudkan perimbangan dengan keperluan peningkatan penglibatan syarikat-syarikat dan usahawan-usahawan tempatan dalam sektor swasta.

- Kerajaan akan terus mengamalkan dasar mewujudkan suasana pro perniagaan dan pelaburan.

- Negara menekankan 'inclusive development' agar setiap masyarakat terlibat sama dalam menyumbang dan memperolehi manfaat pembangunan.

- Kerajaan mengambil langkah-langkah bersepakut dalam mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan.

- Sistem pendidikan negara perlu menekankan pembangunan insan seimbang.

- Jawatankuasa Badan Khas Bertanggungjawab Menyediakan Dasar Perancangan Sumber Tenaga Manusia telah ditubuhkan bagi arah tuju kemajuan jangka panjang tenaga manusia.

- Kerajaan menguruskan subsidi untuk rakyat lebih berhemah dan bijaksana.

- Sejumlah 50 peratus kaum bapa masih jadi perokok di dalam rumah yang bertindak kejam terhadap diri sendiri dan keluarga malah penyebar racun yang merbahaya di dalam negara.

- Anggota keselamatan seperti Polis adalah pasak dan tonggak keamanan di mana kebajikan mereka perlu dipantau bagi menjamin kelincinan dan kesempurnaan dalam melaksanakan tugas.



MUKA  
2-5



MUKA  
6-9

MUKA  
12&13

KELUARAN ISNIN  
16 SEPTEMBER 2013

# Istiadat Barisan Kehormatan gilang-gemilang, penuh tradisi

Oleh : Haji Sahari Akim, Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor, Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Azmah Haji Ahad, Dk. Nur Hafifah Pg. Haji Othman, Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 15 September. - Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-67 Tahun diraikan dalam suasana gilang-gemilang bermula dengan Istiadat Barisan Kehormatan, di ibu negara.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke istiadat yang penuh tradisi itu, berlangsung di Taman Haji Sir muda Omar 'Ali Saifuddien, di sini.

Berangkat sama ke istiadat itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran


Muda Mahkota Pengiran Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuru Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di ibu negara dialu-alukan dengan kibaran bendera Negara Brunei Darussalam dan pukulan hadrah oleh penuntut-penuntut sekolah menengah yang berbaris di sepanjang jalan menuju ke Istiadat Barisan Kehormatan tersebut.

Ke muka 3



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menerima Hormat Diraja pada Istiadat Barisan Kehormatan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien.



BERANGKAT sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuru Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan memeriksa barisan kehormatan (kiri) dan berkenan menaiki kenderaan khas bagi memeriksa barisan kehormatan di Taman Haji Sir muda Omar 'Ali Saifuddien.

#### Dari muka 2

Sejurus keberangkatan tiba, Kebawah DYMM berkenan menerima tabik hormat diraja diiringi Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' oleh Pasukan Pancaragam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) diikuti

tembakan mariam sebanyak 21 das.

Baginda kemudian berkenan berangkat memeriksa pasukan-pasukan Perbarisan terdiri daripada anggota-anggota Batalion Pertama Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB), Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB), Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB), PDB, jabatan-jabatan

beruniform termasuk Jabatan Penjara, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Pasukan Perkhidmatan Bomba Penerangan Awam dan pertubuhan-pertubuhan awam seperti Pasukan Kadet Tentera, Pasukan Kadet Polis, Persatuan

Pengakap Negara Brunei Darussalam, Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam, Persekutuan Bulan Sabit Merah, Pasukan Kadet Bomba dan Penyelamat dan Program Khidmat Bakti Negara.

#### Ke muka 4



TERBANG lalu pesawat-pesawat Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB) mengeluarkan kepulan asap berwarna-warni.



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima tabik hormat diraja pada Istiadat Barisan Kehormatan di Taman Haji Sir muda Omar 'Ali Saifuddien. Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, DYTM Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, DYTM Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan DYTM Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.**

#### Dari muka 3

Kemudian pasukan-pasukan perbarisan yang membawa Panji-Panji Kebawah DYMM, Panji-Panji Pasukan ABDB dan Panji-Panji Diraja PDB berjalan lalu di depan pentas diraja dalam gerak perlahan dan cepat di bawah pimpinan Pemerintah Perbarisan, 409 Leftenan Kolonel Mohd. Zulkarnain bin Haji Abd. Wahab.

Laungan tiga kali 'Daulat Kebawah Duli Tuan Patik' disembahkan oleh ke semua pasukan yang mengambil bahagian merupakan acara kemuncak istiadat disusuli dengan terbang lalu pesawat-pesawat TUDB yang mengeluarkan kepulan asap berwarna-warni.

Istiadat tersebut turut dihadiri oleh Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, Menteri-Menteri Kabinet, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat, Timbalan-Timbalan Menteri, Pengiran-Pengiran Peranakan, Pehin-Pehin Manteri dan Menteri-Menteri Pendalam, para perwakilan asing ke negara ini dan

**KEBAWAH DYMM berkenan memeriksa Barisan Kehormatan (kanan).**

pegawai-pegawai kanan kerajaan serta para jemputan.

Turut hadir ialah tetamu-tetamu khas baginda daripada kalangan negara-negara jiran dan sahabat.

Antaranya ialah Ketua Menteri Sarawak, Yang Amat Berhormat Pehin Sri Dr. Haji Abdul Taib bin Mahmud dan Yang Amat Berbahagia Puan Sri Raghad Kurdi Taib; Ketua Menteri Sabah, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Datuk Seri Panglima Haji Musa bin Haji Aman dan Yang Amat Berbahagia Datin Seri Panglima Hajah Faridah binti Haji Tussin; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lim Swee Say dan Menteri Sekretaris Negara Republik Indonesia, Leftenan Jeneral TNI (Purn) Sudi Silalahi serta Ibu Sri Rahayu Mulyani.



ANTARA pasukan yang mengambil bahagian dalam Istiadat Barisan Kehormatan di Taman Haji Sir muda Omar 'Ali Saifuddien.



HADIR ... Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria dan para tetamu semasa berangkat dan hadir pada Istiadat Barisan Kehormatan (atas sekali); antara Menteri-Menteri Kabinet dan tetamu-tetamu khas Kebawah DYMM (atas tengah) dan pasukan-pasukan beruniform semasa menyertai Istiadat Barisan Kehormatan (atas) di Taman Haji Sir muda Omar 'Ali Saifuddien.

## Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran dan Pingat-Pingat Kehormatan



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran dan Pingat-Pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Ke-67 di Istana Nurul Iman.

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman

Foto : Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar, Masri Osman, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman,  
Hernie Suliana Haji Othman, Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali,  
Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 15 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni

Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka



TURUT berkenan berangkat sama ialah anakanda-anakanda dan adinda-adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia berserta kerabat diraja yang lain ke Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran dan Pingat-Pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Ke-67 di Istana Nurul Iman (atas, kiri, bawah kiri dan bawah).



Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran dan Pingat-Pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Ke-67 di Istana Nurul Iman.

Istiadat Mengadap penuh adat istiadat yang berlangsung di Balai Singgahsana, Istana Nurul Iman bermula dengan pengurniaan titah dan diikuti dengan pengurniaan Bintang-Bintang Kebesaran dan Pingat-Pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam kepada 24 orang penerima.

Ke muka 7





KEBAWAH DYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan mengurniakan titah.



KEBAWAH DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan berangkat ke Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran dan Pingat-Pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam.

Norain dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam serta kerabat-kerabat diraja yang lain.

Juga hadir ialah tetamu-tetamu khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia antaranya Ketua Menteri Sarawak, Yang Amat Berhormat Pehin Sri Dr. Haji Abdul Taib bin Mahmud dan Yang Amat Berbahagia Puan Sri Raghad Kurdi Taib; Ketua Menteri Sabah, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Datuk Seri Panglima Haji Musa bin Haji Aman dan Yang Amat Berbahagia Datin Seri Panglima Hajah Faridah binti Haji Tussin serta Menteri di Jabatan Perdana Menteri Republik

Singapura, Tuan Yang Terutama Lim Swee Say.

Berangkat dan hadir pada istiadat ini ialah Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, Menteri-Menteri Kabinet, Pengiran-Pengiran Peranakan, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat, Timbalan-Timbalan Menteri, Menteri-Menteri Pendalamian, para perwakilan negara sahabat, Setiausaha-Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Sementara itu, doa selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran dan Pingat-Pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam kepada para penerima.



# 24 orang dikurniakan Bintang Kebesaran

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman

Foto : Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar, Masri Osman, Mohd. Zul-Izzni Haji Duraman, Hernie Suliana Haji Othman, Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali, Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 15 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran dan Pingat-Pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam kepada 24 penerima sempena Hari Keputeraan baginda ke-67 di Istana Nurul Iman, di sini.

Mendahului senarai penerima pengurnian Bintang-Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yusof yang dikurniakan Darjah Seri Ugama Islam Negara Brunei Yang Amat Bersinar Darjah Ketiga (SSUB) pula diikurniakan kepada Awang Haji Madzne bin Haji Mohd. Noor.

Sementara itu, sembilan penerima mengurnianya Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Ketiga (SNB) kepada Penolong Pesuruhjaya Polis (ACP) Awang Haji Mohd. Don bin Haji Harith, Pengguna Kanan Polis Pengiran Haji Mohd. Roslin bin Pengiran Haji Abu Bakar, Lettenan Kolonel (B) Awang Yahya bin Haji Abdul Rahman, Awang Haji Jamain bin Momin, Awang Haji Ahmad Rafie bin Haji Md. Yusof, Awang Haji Na'im bin Md. Salleh, Dayang Hajah Siah binti Haji Amat, Dayang Hajah Airah binti Haji Abdullah dan Dayang Hajah Zaiaini binti Haji Noorhan.

Manakala seorang lagi dikurniakan Darjah Paduka Seri Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Kedua (DPMB) yang membawa gelaran 'Dato Paduka' dan 'Datin Paduka' kepada 12 penerima iaitu kepada Tuan Yang Terutama Awang Haji Mohd. Azyian bin Abdulllah @ Yong Foo, Yang Berbahagia Tan Sri Haji Abu Kassim bin Mohamed, Awang Haji Jamain bin Haji Jultah, Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji A. Rashid, Pengiran Haji Abdul Rahman bin Pengiran Seri Indra Pengiran Haji Ismail, Penolong Kanan Pengguna Polis (SAC) Pengiran Haji Abd. Wahab bin Pengiran Haji Omar, Dr. Haji Shaukat Zinna bin Shairally, Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Awang Haji Zainuddin bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Istiadat diikuti dengan pengurnianan Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Kedua (DPMB) yang membawa gelaran 'Dato Paduka' dan 'Datin Paduka' kepada 12 penerima iaitu kepada Tuan Yang Terutama Awang Haji Mohd. Azyian bin Abdulllah @ Yong Foo, Yang Berbahagia Tan Sri Haji Abu Kassim bin Mohamed, Awang Haji Jamain bin Haji Jultah, Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji A. Rashid, Pengiran Haji Abdul Rahman bin Pengiran Seri Indra Pengiran Haji Ismail, Penolong Kanan Pengguna Polis (SAC) Pengiran Haji Abd. Wahab bin Pengiran Haji Omar, Dr. Haji Shaukat Zinna bin Shairally, Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Awang Haji Zainuddin bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran dan Pingat-Pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam diakhiri dengan bacaan doa selamat oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.



SUASANA penuh gemilang Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran dan Pingat-Pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam (atas dan bawah kiri).



BAGI memberkati majlis, doa selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.



SEBAHAGIAN Menteri-Menteri Kabinet dan tetamu khas luar negara Kebawah DYMM yang hadir dalam istiadat bekerama (atas tengah dan atas).

# Berkenan menerima mengadap tetamu-tetamu khas luar negara



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap tetamu-tetamu khas baginda iaitu Ketua Menteri Sarawak, Yang Amat Berhormat Pehin Sri Dr. Haji Abdul Taib bin Mahmud dan Yang Amat Berbahagia Puan Sri Raghad Kurdi Taib.



**MESRA** ... Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima mengadap tetamu-tetamu khas baginda terdiri daripada Ketua Menteri Sarawak, Yang Amat Berhormat Pehin Sri Dr. Haji Abdul Taib bin Mahmud (kiri) dan Yang Amat Berbahagia Puan Sri Raghad Kurdi Taib (kanan).

Oleh : Pg. Haji Waliyuddin Pg. Haji Ahmad, Nooratini Haji Abas  
Foto : Masri Osman, Hernie Suliana Haji Othman, Mohd. Sahrizal Haji Said

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 15 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap secara berasingan tetamu-tetamu khas luar negara yang menghadiri sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-67, berlangsung di Istana Nurul Iman, di sini.

Terdahulu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap Ketua Menteri Sarawak, Yang Amat Berhormat Pehin Sri Dr. Haji Abdul

Taib bin Mahmud dan Yang Amat Berbahagia Puan Sri Raghad Kurdi Taib dan seterusnya Ketua Menteri Sabah, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Datuk Seri Panglima Haji Musa bin Haji Aman dan Yang Amat Berbahagia Datin Seri Panglima Hajah Faridah binti Haji Tussin.

Hadir bagi mengiringi Ketua Menteri Sarawak dan isteri serta Ketua Menteri Sabah dan isteri ialah Pemangku Pesuruhjaya Tinggi Malaysia, Puan Haznah binti Md. Hashim.

Sejurus kemudian, Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima mengadap Menteri Sekretaris Negara, Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Letjen Jenderal TNI (Purn) Sudi Silalahi dan Ibu Sri Rahayu Mulyani yang diiringi oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Indonesia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Handriyo Kusumo Priyo dan isteri.

**Ke muka 11**





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima mengadap tetamu-tetamu khas luar negara iaitu Ketua Menteri Sabah, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Datuk Seri Panglima Haji Musa bin Haji Aman (kiri) dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima mengadap isteri Ketua Menteri Sabah, Yang Amat Berbahagia Datin Seri Panglima Hajah Faridah binti Haji Tussin.



BAGINDA berkenan menerima mengadap Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lim Swee Say.

#### Dari muka 10

Pada Majlis Mengadap tersebut, Kebawah DYMM juga berkenan menerima pesambahan daripada Menteri Sekretaris Negara Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Leftenan Jeneral TNI (Purn) Sudi Silalahi (atas tengah dan atas kanan) dan Ibu Sri Rahayu Mulyani (atas).

Setelah itu, baginda berkenan menerima mengadap Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Republik Singapura, Tuan Yang

#### Terutama Lim Swee Say.

Kehadiran TYT pada majlis berkenaan diiringi oleh Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama S. Jayaratnam.

Tetamu-tetamu khas tersebut berada di negara ini memeriahkan lagi Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM pada tahun ini.

# Majlis Persantapan sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Persantapan Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-67 di Istana Nurul Iman.

Oleh : Hajah Zabaidah Haji Salat, Norliah Md. Zain,  
Haji Ahmad Haji Salim, Zawiyatun Ni'mah Mohd. Akir, Haniza Abdul Latif  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor, Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah,  
Pengiran Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali, Azmah Haji Ahad,  
Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 15 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Persantapan Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-67 di Istana Nurul Iman.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah; Duli Yang

Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Bini Hajah Faizah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Norhayati; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel.

Ke muka 13



JUGA berangkat ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel.



BERANGKAT sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Bini Hajah Faizah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Norhayati.





**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan berangkat pada Majlis Persantapan. Juga berangkat ialah anakanda-anakanda dan adinda-adinda baginda serta kerabat diraja yang lain (atas, bawah dan bawah kanan).



#### Dari muka 12

Juga berangkat ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nurul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Nor'ain dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam.

Majlis Persantapan juga dihadiri oleh tetamu-tetamu khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia antaranya Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lim Swee Say dan Menteri Sekretaris Negara Republik Indonesia, Letjen Jenderal TNI (Purn) Sudi Silalahi serta Ibu Sri Rahayu Mulyani.

Persantapan dimulakan dengan Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan diikuti dengan bacaan doa selamat yang dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Persembahan bunga api turut menyerikan suasana Majlis Persantapan yang diadakan di perkangan Istana Nurul Iman.

Juga berangkat dan hadir ke Majlis Persantapan itu ialah Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, Menteri-Menteri Kabinet, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat, Timbalan-Timbalan Menteri, Pengiran-Pengiran Peranakan, Pehin-Pehin Manteri dan Manteri-Manteri Pendalam dan para perwakilan asing ke negara ini serta Setiausaha-Setiausaha Tetap dan Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap dan kira-kira 3,000 tetamu yang lain terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan dan swasta serta pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan.



# Kepimpinan Kebawah DYMM dikagumi

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 15 September. - Istiadat Bagi Memperingati Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-67 Tahun, dimulakan dengan Istiadat Barisan Kehormatan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, di sini.

Pelbagai lapisan masyarakat menyambut Hari Keputeraan baginda dengan sama-sama memeriahkan suasana sambutan di kawasan taman berkenaan termasuk para pelancong dari luar negara.

Wakil PELITA BRUNEI sempat menemu bual beberapa orang pelancong yang tidak melepaskan peluang menyaksikan Istiadat Perbarisan tersebut.

Warga asing berbangsa Tionghoa, Silvia Zhang, 25, menjelaskan beliau sedang melancong bersama keluarga dan turut gembira kerana berpeluang menyaksikan istiadat berkenaan, di samping merasa bertuah kerana dapat menyaksikan sendiri secara lebih dekat raja yang dikasihi oleh rakyat negara ini.

Beliau begitu kagum dengan kepimpinan dan kebijaksanaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia memimpin negara ini, yang mana kewibawaan kepimpinan Kebawah DYMM telah memperlihatkan negara ini aman dan damai, di samping rakyatnya yang mengasihi raja.

Beliau berkata kepimpinan baginda amat disegani dan dihormati di negara luar kerana baginda terkenal dengan sikap keprihatinan kepada rakyatnya serta telah berjaya membawa negara ini ke arena antarabangsa hingga dikenali di seluruh dunia.

Beliau juga tidak lupa untuk turut menyembahkan ucapan Selamat Hari Keputeraan kepada baginda dan berharap agar terus kekal qarar memerintah Negara Brunei Darussalam.

Seorang lagi pelancong asing dari warga Republik Indonesia, Andriana Laahinhee, 35, turut terpegun dengan kebijaksanaan baginda yang sangat berjiwa rakyat.

Itu, jelasnya, dapat dilihat melalui media massa, di mana Kebawah DYMM sangat prihatin kepada rakyatnya sehingga rakyat jelata dari negara ini sangat mengasihi baginda dan rakyat negara ini, jelasnya, sangat beruntung mempunyai raja yang begitu pengasih.

Tambahnya, baginda sanggup melayani semua rakyat dengan laila adil dan saksama, di samping kerajaan baginda yang sering membantu mereka yang kurang berkemampuan, tidak mengira agama, bangsa bahkan keturunan selagi ianya warga Negara Brunei Darussalam dan tetap memberikan layanan yang sama rata.

Sebagai pelancong yang berpeluang menyaksikan Istiadat Barisan Kehormatan ini, beliau mengakui istiadat tersebut mempunyai nilai sejarah dan budaya yang tinggi yang jarang disaksikan di negara luar.



WARGA asing berbangsa Tionghoa, Silvia Zhang, 25.



WARGA asing dari Republik Indonesia, Andriana Laahinhee, 35.

## Rakyat taat setia, kasih kepada baginda

Berita dan Foto : Aimi Sani

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 15 September. - Seluruh rakyat dan penduduk di negara ini merasa bangga dan teruja kerana mempunyai seorang raja yang sentiasa bersikap pemedulian terhadap kebijakan pelbagai lapisan masyarakat yang bernaung di bumi bertuah ini.

Wakil PELITA BRUNEI sempat menemu bual beberapa peserta yang terlibat dalam Istiadat Barisan Kehormatan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, di ibu negara sempena sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-67 Tahun.

Letenan (L) Dayangku Nurul Jeehan binti Pengiran Haji Hashim ketika ditemui berkata, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sangat dikenali sebagai seorang Raja berjiwa rakyat yang penuh prihatin dan pemedulian terhadap kebijakan segenap lapisan rakyat dan penduduk negara ini.

Menurutnya, melalui kepimpinan bijaksana baginda rakyat dan negara sentiasa berada dalam suasana aman, damai dan sejahtera serta menikmati kemajuan dan pembangunan pesat dalam bidang fizikal dan kerohanian.

"Pada masa yang sama hubungan antara baginda dan rakyat sentiasa terjalin begitu rapat yang diperlihatkan melalui kemesraan dan kasih sayang yang mendalam. Saya berdoa semoga Kebawah DYMM dilanjutkan usia, sihat walafiat, kekal qarar memerintah Negara Brunei Darussalam di bawah perlindungan dan petunjuk-Nya jua," katanya.

Sementara itu, Pengawas Persatuan Bulan Sabit Daerah

Tutong, Awang Haji Abdul Tahir bin Haji Shahminan ketika ditanya mengenai sambutan Hari Keputeraan Kebawah DYMM berkata, menerusi sambutan tersebut kerajaan dan rakyat bersatu padu dan berganding bahu menjayakan acara yang diadakan dengan semangat mendukung kepimpinan Raja yang berdaulat.

Ini, jelasnya, menandakan bawahan perayaan sambutan Hari Keputeraan adalah wadah mencurahkan taat setia dan rasa kasih sayang serta meneguhkan taat setia kepada baginda yang merupakan Waliul Amri kita dalam kerajaan dan bernegara.

Manakala Ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kampung Lupak Luas/Tarap Bau, Awang Haji Mohd. Yaakub bin Haji Jaludin berkata, Negara Brunei Darussalam telah jauh berubah sejak baginda memerintah bermula pada tahun 1967.

"Berkat dan daulat pemerintahan baginda, setiap aspek keperluan dalam kehidupan rakyat terus terbela. Begitu juga dengan pembangunan negara yang mencakupi aspek ekonomi, kesihatan, pendidikan, keselamatan dan infrastruktur terus giat dilaksana sejajar dengan perkembangan semasa," jelasnya.

Manakala bagi Ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) Kampung Rimba, Awang Haji Julaihi bin Haji Ali Hassan pula berkata, rakyat di negara ini patut merasa bersyukur kerana mempunyai pemimpin dan ketua negara yang berjiwa rakyat, di samping dikurniakan sebuah negara yang aman, makmur dan berdaulat.

"Segala nikmat yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada kita selama ini adalah menerusi usaha dan kebijaksanaan pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam mentadbir negara ini dengan adil dan saksama," terangnya.



AHLI Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kampung Lupak Luas/Tarap Bau, Awang Haji Mohd. Yaakub bin Haji Jaludin.



AHLI Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) Kampung Rimba, Awang Haji Julaihi bin Haji Ali Hassan.



LEFTENAN (L) Dayangku Nurul Jeehan binti Pengiran Haji Hashim.



PENGAWAS Persatuan Bulan Sabit Daerah Tutong, Awang Haji Abdul Tahir bin Haji Shahminan.

## Bantu kerajaan majukan negara

Berita dan Foto : Siti Muslihat Haji Salleh

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 15 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam merupakan seorang pemimpin yang dikagumi, bukan sahaja dalam kalangan rakyat dan penduduk negara ini bahkan juga kalangan pemimpin serantau dan antarabangsa.

Sepanjang kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, pelbagai kemajuan telah dicapai yang merangkumi semua aspek kehidupan berkaitan dengan kesejahteraan hidup rakyat dan penduduk yang bermastautin di negara ini.

Dalam usaha untuk terus menikmati keharmonian bermasyarakat dan bernegara sokongan padu pelbagai pihak dari peringkat akar umbi sangat diperlukan ke arah mengecapi kemajuan yang berterusan.

Bekas pegawai kerajaan yang pernah berkhidmat di Biro Mencegah Rasuah, Wee Ken Teck, 56 tahun, ketika ditemui pada Istiadat Barisan Kehormatan di ibu negara, memuji kepimpinan Kebawah DYMM dan menyifatkan baginda sebagai seorang raja yang adil, bijaksana dan prihatin ke atas kebajikan rakyat dan penduduknya.

"Oleh itu rakyat dan penduduk di negara ini perlu sentiasa memberikan sokongan kepada hasrat Kebawah DYMM untuk memajukan negara," jelasnya.

Dari sudut ekonomi berbanding dengan negara-negara lain, Negara Brunei Darussalam, katanya, mempunyai ekonomi yang mantap dan sejauh ini tidak pernah terancam dan mengalami kesusahan di bawah pemerintahan baginda.

"Untuk terus memantapkan ekonomi negara, pihak swasta dan orang ramai khususnya golongan muda yang bakal menjadi penerus generasi akan datang perlu sentiasa komited dan berganding bahu ke arah memantapkan ekonomi negara di masa akan datang," ujarnya memberikan pandangan.

Sementara itu, Yang Dipertua Persekutuan Pencak Silat Negara Brunei Darussalam (PERSIB), Pengiran Haji Mohamad bin Pengiran Haji Ludin, 65, melahirkan rasa syukur kerana di bawah tumpuk pemerintahan baginda, Negara Brunei Darussalam sentiasa aman dan damai.

"Orang ramai sebaiknya berganding bahu dengan kerajaan dan sama-sama membantu Kebawah DYMM meningkatkan sumber ekonomi negara. Jangan diabaikan segala urusan negara yang telah diamanahkan," ujarnya.

Baginda, tambahnya, seorang raja yang sentiasa prihatin terhadap kehidupan rakyat di segenap pelusuk negara ini.

"Alhamdulillah, sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-67 tahun, saya mendoakan semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan melanjutkan usia baginda dan sentiasa kekal qarar memerintah di atas Singgahsana," ujarnya mengakhiri perbualan.



WEE Ken Teck, 56 tahun, bekas pegawai kerajaan yang pernah berkhidmat di Biro Mencegah Rasuah.



PENGIRAN Haji Mohamad bin Pengiran Haji Ludin, 65, Yang Dipertua Persekutuan Pencak Silat Negara Brunei Darussalam (PERSIB).

# Kebajikan, kesejahteraan rakyat diutamakan

Berita dan Foto : Siti Muslihat Haji Salleh

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 15 September. - Kebijaksanaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa dikagumi oleh segenap lapisan masyarakat yang bermastautin di negara ini.

Dalam tinjauan wakil PELITA BRUNEI di Istiadat Barisan Kehormatan di ibu negara, rata-rata mereka yang ditemui melahirkan rasa syukur kerana mempunyai seorang raja yang begitu prihatin terhadap kebijikan dan kesejahteraan rakyatnya.

Seorang penduduk yang bermastautin di Rancangan Perpindahan Negara Tanah Jambu,

Awang Haji Ali bin Haji Jalil, 68 tahun, yang pernah berkhidmat di Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan, merasa syukur atas pengurnian tempat tinggal yang selesa di samping bantuan kebijikan bulanan yang sukar didapati di negara-negara lain.

Di Negara Brunei Darussalam orang tua dan kurang berkemampuan, katanya, tidak diabaikan yang mana mereka sering diberi bantuan yang berpatutan seperti pencecah, bantuan kebijikan dan sebagainya mengikut keperluan.

"Saya sentiasa mendoakan semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia sentiasa dikurniakan kesihatan yang berpanjangan dan kekal qarar memerintah, di samping berjaya memimpin rakyat negara ini," jelasnya.

Seorang warga Indonesia yang bermastautin di negara ini kira-kira

23 tahun dan tinggal bersama suaminya, Dayang Hajah Hamsiah binti Haji Syamsi, 44, merasa terjamin tinggal di negara ini dan menyifatkan Brunei sebagai negara yang aman damai.

"Saya merasa terjamin tinggal di negara ini, kebijikan rakyat tidak diabaikan, perkhidmatan kesihatan sangat bagus dibandingkan dengan Indonesia kerana bayaran perubatan dan belanja hospital jauh lebih murah. Brunei pokoknya jauh lebih bagus," terangnya.

Beliau yang berasal dari Kalimantan Selatan dan menetap di negara ini sejak 1990 dan kini tinggal di Kampung Kapok, Muara, memuji kebijaksanaan kepimpinan Kebawah DYMM yang tidak kendur-kendurnya terus berusaha meningkatkan taraf kehidupan rakyat dari pelbagai bidang.

Sebagai tanda menjunjung kasih ke hadapan majlis baginda, setiap tahun beliau sering tidak ketinggalan untuk sama-sama hadir dan memeriahkan Majlis Ramah Mesra

Bersama Rakyat dan Penduduk di Daerah Brunei dan Muara.

"Saya mendoakan semoga Kebawah DYMM dan kerabat diraja dilanjutkan usia dan mendapat keberkatan dan sentiasa dalam lindungan Allah Subhanahu Wata'ala," ujarnya.

Sementara seorang wanita mualaf, warga jati Brunei, berbangsa Tionghoa, Dayang Nor Chua Ai Wah, 53, tidak ketinggalan untuk sama-sama menyokong dan menyaksikan Istiadat Barisan Kehormatan.

Kebawah DYMM, katanya, seorang pemimpin yang tidak memilih bangsa kerana kebijikan sebagai seorang raja pengasih dan mengutamakan pendidikan kanak-kanak dengan sentiasa melihat perkembangan pembelajaran kanak-kanak di sekolah-sekolah.

"Saya yang sudah memeluk agama Islam sejak 2003 juga diberikan bantuan kebijikan sebanyak BND200 setiap bulan dan ini memudahkan saya untuk membeli keperluan asasi sehari-hari. Baginda memang seorang raja yang penyayang dan sentiasa melihat kebijikan rakyatnya di setiap

daerah," jelas dengan kegembiraan.

Kemeriah sambutan di ibu negara juga turut dikongsi oleh dua adik-beradik dari Daerah Tutong.

Awang Lukman Hakim dan adiknya, Dayang Zahiah Nawwarah binti Mohd. Hazman dari Kampung Panchor Dulit berasa gembira kerana buat pertama kali dapat menyaksikan baginda di istiadat perbarisan di sini.

Menurut Awang Lukman Hakim yang merupakan anak kepada pegawai yang bertugas di Syarikat Minyak Brunei Shell, ini juga menyifatkan baginda sebagai seorang raja pengasih dan mengutamakan pendidikan kanak-kanak di sekolah-sekolah.

Bagi mewakili Sekolah Chung Hwa Daerah Tutong, beliau juga akan menyertai acara mengibar bendera pada Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk di Daerah Tutong, pada hari Selasa ini.



**AWANG** Haji Ali bin Haji Jalil, 68 tahun, yang pernah berkhidmat di Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan.



**DAYANG** Hajah Hamsiah binti Haji Syamsi, 44, warga Republik Indonesia yang bermastautin di negara ini.



**DAYANG** Nor Chua Ai Wah, 53, wanita mualaf, warga jati Brunei, berbangsa Tionghoa.



**AWANG** Lukman Hakim dan adiknya, Dayang Zahiah Nawwarah binti Mohd. Hazman dari Kampung Panchor Dulit.

## Kepimpinan Kebawah DYMM sumber inspirasi belia, pelajar

Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 15 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sangat dikenali sebagai pemimpin yang prihatin akan kebijikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini.



**DAYANG** Jamilah binti Haji Md. Kamran, penuntut Tahun 10 di Sekolah Menengah Awang Semaun,

Kebijaksanaan kepimpinan dan keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu amat disyukuri oleh rakyat dan penduduk negara ini dengan sentiasa menumpukan kasih sayang dan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada Raja yang berjiwa rakyat itu.

Kesetiaan dan perpaduan rakyat serta penduduk dapat dilihat pada Istiadat Barisan Kehormatan Sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia



**DAYANG** Wan Nur Syahirah binti Aziz, penuntut Tahun 10, Sekolah Menengah Tanjong Maya, Tutong.

Ke-67 Tahun yang berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, di sini.

Pelbagai peringkat lapisan masyarakat sentiasa bersatu padu menyumbang masa dan tenaga bagi sama-sama memeriahkan lagi sambutan Hari Keputeraan baginda yang diadakan setiap tahun itu.

Pada istiadat itu wakil PELITA BRUNEI sempat menemu bual beberapa penuntut sekolah yang terlibat pada acara tersebut yang rata-rata mendoakan baginda agar sentiasa mendapat perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala.

Dayang Jamilah binti Haji Md. Kamran, penuntut Tahun 10 di Sekolah Menengah Awang Semaun yang baru pertama kali menyertai perbarisan tersebut melahirkan rasa beruntung kerana menjadi rakyat Negara Brunei Darussalam di bawah pimpinan Raja yang sangat prihatin dan sentiasa mengambil berat terhadap rakyatnya terutama kemajuan pendidikan di negara ini.

"Saya mendoakan semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan sentiasa dalam peliharaan Allah Subhanahu Wata'ala dan kekal qarar memerintah negara," ujarnya.

Sementara itu Dayang Wan Nur Syahirah binti Aziz, penuntut



**PESERTA** Program Khidmat Bakti Negara, Dayang Amnani binti Awang Salim, Dayang Nur Nabila Amna binti Haji Hamdani, Awang Jubeli bin Haji Daud.

Tahun 10, Sekolah Menengah Tanjong Maya, Tutong pula menyifatkan, baginda sebagai seorang raja yang sentiasa memeduli kebijikan negara demi kepentingan masa depan rakyat dan penduduknya.

Ini, jelasnya, terbukti melalui sikap keprihatinan baginda terhadap para pelajar sekolah dengan menyediakan pelbagai kemudahan prasarana pendidikan serta pembelajaran dan pengajaran yang berkualiti agar penuntut di Negara Brunei Darussalam menjadi insan yang berpendidikan dan berkemahiran.

Manakala dua lagi peserta Program Khidmat Bakti Negara iaitu Awang Jubeli bin Haji Daud, 21, dan Dayang Nur Nabilah

Amna binti Haji Hamdani, 19, juga masing-masing menjunjung kasih atas sikap pemedulian baginda termasuk kebijikan belia di negara ini.

Menurut Awang Jubeli, baginda sentiasa memberikan inspirasi dan motivasi kepada para belia agar terus berusaha dengan lebih gigih untuk mencapai hasrat negara melalui Wawasan 2035 untuk menjadikan negara ini dikenali di seluruh dunia dengan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran dan berjaya.

"Semoga Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa dilimpahkan kudrat dan iradat terus memimpin negara dengan aman dan makmur," kata Dayang Nur Nabilah Amna.

*DAULAT KEBAWAH DULI TUAN PATIK*

67



Foto : Hernie Suliana Haji Othman

WARGA JABATAN PENERANGAN DAN JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN,  
JABATAN PERDANA MENTERI MENYEMBAHKAN UCAPAN SELAMAT HARI KEPUTERAAN KE HADAPAN MAJLIS  
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN  
DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-67 TAHUN.

دربیتکن اوله جباتن فراغن، جباتن فردان منtri دان ڈچیق اوله جباتن فرچیتئن کراجان، نکارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.